

10/11/1998

Mustapha tumpu pilihan raya umum

KUALA LUMPUR, Isnin - Ahli Majlis Tertinggi Umno, Datuk Mustapa Mohamed, berkata tumpuannya kepada pilihan raya adalah lebih penting daripada memikirkan bertanding pada pemilihan Umno, tahun depan.

Menurutnya, beliau akan menumpukan perhatian untuk mempertahankan kerusi Parlimen kawasan Jeli dalam pilihan raya akan datang.

"Tumpuan saya untuk menang pilihan raya. Soal lain tidak mustahak," katanya yang juga Menteri Kewangan Kedua dan Ahli Parlimen Jeli kepada pemberita di lobi Parlimen, hari ini.

Beliau mengulas laporan akhbar tempatan hari ini yang memetik sumber dalaman parti sebagai tidak menolak kemungkinan beliau turut bertanding jawatan Timbalan Presiden Umno tahun depan, selain dua Naib Presiden sekarang iaitu Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Datuk Seri Najib Tun Razak.

Jawatan itu kosong berikutan pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim daripada Umno, awal September lalu, berikutan salah laku moral.

Presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sebelum ini berkata beliau tidak akan melantik timbalannya sehingga pemilihan Umno yang dijangka pertengahan tahun depan.

(END)